

**TAHAP PENGUASAAN KOMPUTER
DI KALANGAN PELAJAR UKUR BAHAN**

AHMAD TARMIDZI BIN KUSNAN

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian)**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

2000 / 2001

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai tahap penguasaan komputer di kalangan pelajar Ukur Bahan. Penguasaan yang dikaji adalah merangkumi empat aspek pengetahuan komputer iaitu perkakasan, perisian, penyelenggaraan dan internet. Objektif pertama kajian ini ialah melihat tahap penguasaan komputer di kalangan pelajar tahun akhir Sarjana Muda Ukur Bahan. Objektif kedua pula adalah melihat kehendak majikan iaitu Firma Perunding Ukur Bahan terhadap tahap penguasaan komputer pelajar Ukur Bahan dan objektif ketiga adalah melihat perbandingan antara tahap penguasaan yang dicapai oleh pelajar dengan kehendak majikan terhadap tahap penguasaan komputer pelajar Ukur Bahan. Adalah didapati kebanyakan tahap penguasaan yang dicapai oleh pelajar adalah di bawah tahap yang dikehendaki oleh pihak majikan. Kelemahan ketara adalah tahap penguasaan pelajar di dalam penguasaan perisian khusus Ukur Bahan dan pembinaan di mana tahap penguasaan pelajar adalah pada tahap penguasaan kurang mahir berbanding dengan kehendak majikan terhadap penguasaan ini adalah pada tahap sangat penting, selain itu penguasaan pelajar terhadap penguasaan komputer yang pernah dipelajari di dalam silibus juga kebanyakannya adalah di bawah tahap yang dikehendaki oleh pihak majikan. Kesimpulan yang dapat dibuat di sini ialah kurangnya keberkesanan pembelajaran komputer di Universiti Teknologi Malaysia di dalam melahirkan pelajar Ukur Bahan yang dapat memenuhi kehendak majikan di alam pekerjaan kelak. Cadangan yang dikemukakan di sini adalah dengan mengemaskinikan silibus yang sedia ada dan mempertingkatkan kualiti pembelajaran iaitu merangkumi pensyarah dan latihan secara praktikal. Perubahan ini haruslah dibuat dengan penuh rasa tanggungjawab di dalam melaksanakan tugas dan ke arah kecemerlangan akademik pelajar dan kemajuan negara.